

Tel. No. 088 - 222337/222336/  
222031/218201

Fax. No. 088 - 222557/215682



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH  
NEGERI SABAH  
Tingkat 3, 4 dan 5, Menara SDB  
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens  
Km. 2,4, Jalan Tuaran  
88646 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Rujukan : JPBW:99/63/ Jld.43/(35)  
Tarikh : 24 Julai 2018

PPPKC (Hasan)

Untuk meluaskan perlesuan  
wil' Sabah.

TG Jr 26/7

Pengarah,  
Jabatan Perlindungan Alam Sekitar  
Tingkat 1, 2, 3, Bangunan Wisma Budaya,  
Jalan Tunku Abdul Rahman,  
Beg Berkunci 2078, Sabah,  
**88999 KOTA KINABALU.**

Pengarah,  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah,  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,  
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,  
Jalan UMS,  
**88400 KOTA KINABALU.**

Pengarah,  
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA),  
Lot D9.4 & D9.5, Tingkat 9, Blok D, Bangunan KWSP,  
Karamunsing, Peti Surat 11915,  
**88821 KOTA KINABALU.**

Ketua Wilayah,  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB),  
Pejabat Wilayah Sabah,  
Pusat Maklumat dan Taman Sawit (OPPIC),  
Lot 1, Jalan 1A, KKIP Timur,  
Off Jalan Norowot,  
**88460 KOTA KINABALU.**

Tuan, Puan

**Pekeliling LPPBD Bil. 4/2018:  
Mengawalselia Pembangunan Kilang Kelapa Sawit Di Negeri Sabah**

.../2

**JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH**

-2-

Rujukan : JPBW:99/63/ Jld.43/(35)  
Tarikh : 24 Julai 2018

---

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara diatas.

2. Sila maklum bahawa pekeliling di atas merupakan ketetapan yang telah diputuskan oleh Lembaga Pusat dalam mesyuarat No. 6/2017 pada 21 September 2017, berdasarkan keputusan mesyuarat khas No.1/2017 berhubung mengawalselia pembangunan kilang kelapa sawit di Negeri Sabah yang telah diadakan pada 13 September 2017 yang lalu.
3. Sehubungan dengan itu, bersama ini dilampirkan pekeliling berkenaan untuk dijadikan garispanduan dan rujukan bagi memproses permohonan pembangunan kelapa sawit di Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

\* BERKHIDMAT DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH \*



( NAZRI HAMBURG )  
Ketua Penolong Pengarah CB  
b.p Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa

NH/Mu

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH



Tel. No. 088 - 222337/222336/  
222031/218201

Fax. No. 088 - 222557/215682

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH  
NEGERI SABAH  
Tingkat 3, 4 dan 5, Menara SDB  
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens  
Km. 2,4, Jalan Tuaran  
88646 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Rujukan : JPBW: 99/63/Jld.42/(73)  
Tarikh : 1 Mac 2018

**Mayor**  
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu  
No. 1, Jalan Bandaran  
**88675 KOTA KINABALU**

**Presiden**  
Majlis Perbandaran Sandakan  
Peti Surat 221  
**90702 SANDAKAN**

**Presiden**  
Majlis Perbandaran Tawau  
Peti Surat No. 412  
**91007 TAWAU**

**Pesuruhjaya**  
Lembaga Bandaran Kudat  
Peti Surat No. 201  
**89058 KUDAT**

**Semua Pengurus**  
Majlis-Majlis Daerah  
**NEGERI SABAH**

**Semua Pegawai Eksekutif**  
Lembaga Bandaran Kudat dan  
Majlis-Majlis Daerah  
**NEGERI SABAH**

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING LPPBD BIL. 4/2018:**

**MENGAWAL SELIA PEMBANGUNAN KILANG KELAPA SAWIT DI NEGERI SABAH.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dalam mesyuarat Lembaga Pusat No.1/2017 yang diadakan pada 27 Februari 2017 memutuskan bahawa terdapat keperluan untuk membentuk satu jawatankuasa bagi menangani isu pembangunan kilang-kilang kelapa sawit di Negeri Sabah yang didirikan tanpa mendapat kelulusan dari segi pelan pembangunan.

.../2

**JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH**

- 2 -

Rujukan : JPBW:99/63/Jld.42/(73)  
 Tarikh : 1 Mac 2018

---

3. Susulan daripada itu, satu mesyuarat khas telah diadakan pada 13 September 2017 bagi membincangkan dan membuat ketetapan agar pelabur atau operator kilang-kilang sawit ini memahami prosedur pembangunan tanah di Negeri Sabah.

4. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pusat telah memutuskan dalam mesyuarat Lembaga Pusat No. 6/2017 pada 21 September 2017 seperti berikut:

- i) Sebelum memulakan pembinaan kilang, perkara-perkara berikut perlu diperolehi terlebih dahulu;
  - a) Isu pemberian lesen operasi kilang kepada pengilang kelapa sawit dan isu pelan pembangunan kilang merupakan entiti yang berbeza. Perkara ini perlu diberi perhatian serius agar tidak mengelirukan pelabur-pelabur industri sawit pada masa akan datang. Setelah penyelarasan dilakukan, lesen operasi kilang akan diberikan kepada pengilang setelah pelan interim, pelan pembangunan dan bangunan diberi kelulusan mutlak oleh Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Sabah serta Pihak Berkuasa Tempatan;
  - b) Selaras dengan arahan Kabinet Negeri, bermula 1 Jun 2017 semua tanah-tanah pertanian yang ingin diusahakan selain daripada maksud pertanian perlu ditukar syarat terlebih dahulu kepada *Country Lease (CL)*. Sekiranya pemohon hanya mengusahakan sebahagian tanah milikannya bagi tujuan kilang, pelan pecah bahagi (*subdivision*) hendaklah dikemukakan kepada PBT, ini penting bagi memudahkan kerja-kerja pengiraan premium tanah dilakukan;
  - c) Berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 28C(1) Cap.141, Sebelum pemohon berhasrat untuk mendirikan kilang, tujuan ini perlu dimaklumkan kepada PBT dengan mengemukakan pelan pembangunan, dokumen-dokumen yang berkaitan serta fee pembangunan harus dijelaskan kepada PBT;
  - d) Pelan Pembangunan (DP-Kebenaran Merancang) perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 15(2), 28B(1) Ordinan Perancang Bandar dan Desa Cap.141. Isu-isu yang berkaitan *technical requirement* seperti yang timbul dari jabatan-jabatan teknikal yang lain harus diselesaikan di peringkat ini;
  - e) Pelan Bangunan perlu mematuhi segala keperluan yang terkandung dalam *Building By Law* dan mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan;
  - f) Kelulusan Lesen operasi/pembinaan bangunan kilang, agensi berkenaan perlulah memastikan DP dan BP diluluskan oleh PBT terlebih dahulu;

.../3

**JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH**

-3-

Rujukan : JPBW:99/63/Jld.42/(73)  
Tarikh : 1 Mac 2018

- g) Walaupun lesen pembukaan kilang diberi kelulusan ia bukan bermakna pemohon boleh memulakan operasi dan membina kilang kerana ia perlu dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk pertimbangan selanjutnya tertakluk kepada kebenaran Lembaga Pusat dan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

5. Sehubungan dengan itu, suacita kiranya pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan dapat mematuhi ketetapan ini dan ianya berkuatkuasa dengan serta merta. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan untuk melaksanakan ketetapan di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**\* BERKHIDMAT DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH \***

(TPR. HAJI MORSIDI HAJI SAPIE)  
 Ketua Pegawai Eksekutif  
 Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa  
 Merangkap Pengarah  
 Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah,  
**KOTA KINABALU**

- S.K. 1. Setiausaha Kerajaan Negeri (untuk makluman)  
 Jabatan Ketua Menteri  
**KOTA KINABALU**
2. Penggerusi (untuk makluman)  
 Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa  
 Merangkap  
 Setiausaha Tetap  
 Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan  
 Tingkat 4-6, 10, 11 dan 15-18  
 Wisma Innoprise, Jalan Sulaman, Teluk Likas  
**KOTA KINABALU**
3. Semua Ahli Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa, Sabah (untuk makluman)
4. Semua Edaran Dalaman (untuk makluman)

**JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH**